

U GB 13-07 00151 BC104

bah

Mahathir-Albania

ALBANTA PELAWA USAHAWAN MALAYSTA SERTAT PROJEK PENSWASTAAN

Daripada Zainoor Sulaiman

TIRANA, 13 Julai (Bernama) -- Albania mempelawa para usahawan Malaysia mengambil bahagian dalam penswastaan perindustriannya sebagai satu langkah mempertingkatkan kerjasama ekonomi dua hala.

Tawaran itu dibuat oleh Presiden Seli Berisha dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat presiden di sini.

Butir-butir mengenai kerjasama ekonomi dua hala dibincangkan secara terperinci oleh Dr Mahathir dengan rakan sejawatannya dari Albania, Aleksander Meksi, yang disertai para menteri kabinetnya di pejabat Perdana Menteri.

Turut menyertai perwakilan Malaysia dalam perbincangan itu ialah Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Halim Ali.

Dalam taklimatnya kepada pemberita, Abdul Halim berkata Albania telah mengenalpasti 500 industri kecil dan sederhana milik kerajaan yang akan diswastakan. -- Lagi

♥13/07/13-40MST

U GB 13-07 00133 BC105

bah

Mahathir-Albania 2 Tirana

Albania yang baru mengecap kebebasan amalan berdemokrasi setelah bertahun-tahun di bawah cengkaman pemerintahan diktator komunis memerlukan modal asing untuk mempercepatkan pertumbuhan industrinya.

Ta juga memerlukan bantuan asing untuk memperbaiki dan meningkatkan kemudahan infrastrukturnya termasuk pembinaan jalan raya, pelabuhan dan rangkaian telekomunikasi serta industri pelancongan.

Albania, dengan pendapatan per kapita AS\$930 dan hutang luar sebanyak AS\$530 juta pada tahun 1991, dianggap negara termiskin di Eropah.

Tumpuan utamanya sekarang ialah bagaimana untuk mengatasi masalah pengangguran yang kini dianggarkan sebanyak 60 peratus berbanding dengan penduduknya yang berjumlah 3.2 juta orang.

Abdul Halim berkata dalam perbincangan itu, Dr Mahathir menjelaskan pengalaman Malaysia dalam usaha penswastaannya dan langkah-langkah yang boleh diambil oleh Albania untuk mengelakkan beberapa kesilapan yang pernah dialami oleh Malaysia. -- Lagi

♥13/07/13-45MST

bah

Mahathir-Albania 3 (Akhir) Tirana

Dr Mahathir memberi jaminan akan menggalakkan para usahawan Malaysia datang ke sini untuk meninjau kemungkinan menubuhkan industri secara usahasama dengan syarikat tempatan.

Kerajaan akan mengkaji beberapa insentif yang dapat diberikan bagi mengalakkan mereka menubuhkan industri di negara ini. Satu daripada bidang yang dapat diceburi oleh usahawan Malaysia ialah bidang pengeluaran seperti industri tekstil.

Malaysia boleh memanfaatkan kemudahan yang diberikan oleh Kesatuan Eropah (EC) kepada Albania untuk mengeksport barangannya secara bebas tanpa sekatan ke negara Eropah.

Abdul Halim berkata kerajaan baru Albania berazam memupuk hubungan yang baik dengan negara-negara jirannya di Semenanjung Balkan, meskipun rakyat keturunan Albania menghadapi tekanan oleh kaum Serb di Kosovo dan masyarakat Greek di sempadan Greece.

Dr Mahathir dalam pertemuan itu menyatakan prihatin tentang perkembangan di Bosnia-Herzegovina khususnya keadaan di Kosovo di mana rakyat keturunan Albania terpaksa menanggung azab dan kesengsaraan akibat tekanan kaum Serb.

Malam tadi Dr Mahathir dan isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali diraikan oleh Presiden dan Puan Berisha pada jamuan malam di Istana Brigade.

Majlis itu turut dihadiri oleh Menteri Luar Albania Alfred Seregi. --

Bernama

ZS AKD

♥13/07/13-53MST